

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah dasar dan inovasi yang dijana oleh Kementerian bagi merangkul para belia untuk terlibat langsung dalam pembangunan ekonomi luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar dan inovasi yang dijana oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi merangkul para belia untuk terlibat langsung dalam pembangunan ekonomi luar bandar telah digariskan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar, 2021-20230 (DPLB, 2021-2030).

Daripada 10 teras dalam DPLB, teras kelima dalam DPLB adalah mengenai keunggulan generasi belia luar bandar. Teras Belia dalam DPLB mempunyai 3 pernyataan dasar dan 8 strategi seperti berikut:

- (i) Pendidikan Kemahiran Yang Inklusif Dan Bersesuaian Dengan Keperluan Revolusi Industri Keempat (4IR);
- (ii) Generasi Belia Menikmati Pendapatan Yang Berterusan (*Sustainable*) Melalui Bidang Keusahawanan; dan
- (iii) Generasi Belia Yang Mempunyai Semangat Patriotisme, Berketerampilan, Bersahsiah Tinggi Dan Terlibat Dalam Kepimpinan Luar Bandar.

Antara strategi di bawah pendidikan kemahiran yang inklusif bersesuaian dengan revolusi 4IR ialah seperti berikut:

- (i) menjadikan TVET sebagai pilihan utama belia luar bandar;
- (ii) meningkatkan kualiti pendidikan selaras dengan keperluan Revolusi Industri Keempat (4IR); dan
- (iii) Memperkukuh kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang menitikberatkan konsep amali.

Manakala antara strategi bagi memastikan belia menikmati pendapatan yang berterusan melalui bidang keusahawanan ialah dengan memperkasa belia dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dan meningkatkan penglibatan golongan belia yang berinovasi dan kreatif dalam sektor ekonomi berpendapatan tinggi.

Bagi memastikan generasi belia yang mempunyai semangat patriotisme, berketerampilan, bersahsiah tinggi dan terlibat dalam kepimpinan luar bandar ialah melalui:

- (i) memperkukuh pertubuhan belia di luar bandar dan meningkatkan peranan belia dalam proses membuat keputusan di peringkat akar umbi;
- (ii) meningkatkan penghayatan sejarah dan sosiobudaya serta dasar-dasar pembangunan negara; dan
- (iii) menyemarakkan program pembangunan jati diri yang memberi penekanan kepada nilai-nilai agama, budaya dan adat masyarakat serta aktiviti rekreasi dan sukan.